

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

KJ anggap PRU-15 tak sesuai musim banjir

Putrajaya: Kementerian Kesihatan menjelaskan tidak sesuai Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan pada musim tengkujuh kerana pelbagai kekangan.

Selain memerlukan kos tinggi, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata biasanya apabila banjir, banyak tenaga kerja yang diperlukan pada PRU akan dikerahkan untuk menjaga pusat pemindahan sementara (PPS) dan pemindahan mangsa bencana berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, kemudahan yang akan digunakan untuk proses pengundian juga ada antaranya menjadi PPS untuk menempatkan

mangsa banjir.

"Lazimnya, kita elak pilihan raya pada waktu banjir. Ini ambil kira faktor keselamatan, tenaga kerja dan faktor kesihatan.

"Apabila berlaku banjir, akan ada peningkatan penyakit berjangkit, penyakit bawaan air akan meningkat, macam-macam penyakit berjangkit. Itu memerlukan rawatan dan tidak termasuk demam, selesema.

"Bagi KKM memanglah dari segi kesesuaian pilihan raya waktu banjir tak sesuai," katanya pada sidang media pencapaian satu tahunnya sebagai Menteri Kesihatan, di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Khairy nafi kementerian beri layanan istimewa kepada Najib

Bekas PM akan dihantar semula ke Penjara Kajang selepas doktor, pakar sahkan boleh keluar

Oleh Abdul Halim Yusoff
dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menafikan Kementerian Kesihatan (KKM) memberikan layanan istimewa kepada Datuk Seri Najib Razak dengan menempatkannya di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC).

Sebaliknya, beliau berkata, Ahli Parlimen Pekan itu akan dihantar semula ke Penjara Kajang untuk menjalani hukumannya selepas doktor dan pakar mengesahkan beliau sudah boleh keluar.

Beliau berkata, sebelum itu, doktor yang merawat Najib akan mengadakan sidang keluarga untuk memaklumkan mengenai situasi kesihatannya.

"Tiada layanan istimewa. Dia pada mulanya dirawat di Hos-

pital Kuala Lumpur (HKL) dan kini di HRC.

"Ketika ini, mereka (doktor dan pakar) sedang menyediakan laporan kesihatan Najib untuk dikongsikan dengan keluarganya pada sidang keluarga itu.

"Sebaik laporan kesihatan sudah disediakan ia bermakna pakar sudah berpuas hati (dengan tahap kesihatan) dan Najib boleh pulang (ke penjara)," katanya pada sidang media khas pencapaian satu tahunnya sebagai Menteri Kesihatan, di sini, semalam. Turut hadir Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, beliau juga tidak boleh mengarahkan bila doktor dan pakar yang merawat Najib patut mengadakan sidang keluarga itu.

Kerahsiaan data pesakit

Pada masa sama, beliau sebagai Menteri Kesihatan juga terikat dengan kerahsiaan data peribadi pesakit termasuk Najib.

Berikutan itu, katanya, beliau tidak boleh mendedahkan masalah kesihatan yang dialami Najib ketika ini.

Katanya, semua langkah dan tindakan yang diambil dalam menangani isu kesihatan dialami Najib itu bagi mengelakkan timbul pertikaian sama ada daripada bekas Perdana Menteri itu, keluarganya atau mana-mana pihak.



Jabatan Penjara mengesahkan Najib sedang mendapatkan rawatan dan pemantauan lanjutan di Hospital Rehabilitasi Cheras.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

"KKM menjalankan tugas secara profesional mengikut tatacara dan garis panduan sedia ada. Kita dah sedia semua rawatan yang diperlukan dan semua pemeriksaan yang diminta, kita dah melaksanakannya.

"Pada masa sama, beliau diberikan latihan untuk melakukan sendiri rawatan rehabilitasi. Tiada rawatan fisioterapi yang dibuat, tapi saya difahamkan boleh dibuat secara sendiri," katanya.

Terdahulu, Jabatan Penjara menjelaskan Najib mendapatkan rawatan di situ selaras dengan

Seksyen 37 Akta Penjara serta *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners* (Mandela Rules).

Najib dihantar ke HKL untuk rawatan oleh pakar perubatan, susulan perintah Mahkamah Tinggi pada 12 September lalu berikutan keadaan kesihatannya tidak memuaskan.

"Pada 19 September 2022, pihak HKL merujuk Najib ke HRC untuk rawatan dan pemantauan lanjutan hingga kini.

"Datuk Seri Najib akan dihantar semula ke Penjara Kajang untuk menjalani hukuman penjara

sebaik sahaja pihak pakar perubatan HRC atau HKL memberikan pelepasan perubatan ke atas beliau," kata jabatan itu dalam satu kenyataan, semalam.

Sebagai pihak berkuasa yang melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta Penjara, Jabatan Penjara, selain melaksanakan hukuman yang dijatuhkan juga bertanggungjawab memastikan tahap kesihatan seseorang banduan sentiasa dipantau dan dijaga, termasuk penyediaan kemudahan rawatan dan ubat-ubatan seperti disyorkan pegawai perubatan kerajaan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Hospital swasta diseru sertai program Hospital Mesra Ibadah

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus menggalakkan penyertaan hospital-hospital swasta dalam program Hospital Mesra Ibadah (HMI) yang ketika ini penyertaannya dilihat sebagai kurang memberangsangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, setakat ini pembabitan hanya bersifat secara sukarela kerana kerajaan tidak mahu memberikan beban kepada operator swasta.

“Jika boleh, saya teruja mahu lihat kesemua hospital swasta di Malaysia menerima akreditasi MHI daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim),” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Konvensyen HMI Tahun 2022 di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil pengiktirafan HMI kepada 10 buah hospital di bawah kementerian tersebut yang turut disaksikan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Azmi berkata, sebagai usaha menambah lebih banyak hospital swasta yang ditauliahkan HMI, kriteria piawaian seragam akan diwujudkan oleh Jabatan Stan-



DR. NOOR AZMI (tengah) bergambar bersama penerima sijil pada Majlis Perasmian Konvensyen HMI Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di Putrajaya semalam.

dard Malaysia.

“Apabila siap kelak, standard yang diselaraskan ini akan menjadi model HMI kepada seluruh dunia kerana ia agak berbeza daripada konsep kelaziman disebut hospital patuh syariah,” ujar beliau.

Justeru, beliau berharap pihak Kementerian Kewangan akan dapat memberikan peruntukan lebih kepada semua 146 hospital awam bagi membolehkan HMI dilaksanakan secara lebih me-

nyeluruh.

Dalam pada itu, Dr. Noor Azmi memberi contoh ketika ini, hanya 55 hospital kerajaan ditempatkan pegawai Jakim kerana kekangan dana walhal pesakit memerlukan perkhidmatan kerohanian diterapkan HMI.

Situasi itu dibimbangi boleh merugikan umat Islam ketika menerima rawatan di hospital kerana pendekatan HMI terbukti berjaya membimbing pesakit untuk lebih bertaqwa kepada Allah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



GAMBAR bertarikh 25 Ogos 2022 semasa Najib dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas prosiding kes 1MDB.

Najib dirawat di HRC Cheras

PETALING JAYA — Keadaan kesihatan yang tidak memuaskan membuatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dihantar ke Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) untuk rawatan dan pemantauan lanjutan.

Jabatan Penjara memaklumkan, arahan tersebut dikeluarkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 12 September lalu.

"Najib telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan oleh pakar perubatan di sana.

"Pada 19 September, pihak HKL telah merujuk Najib ke HRC untuk rawatan dan pemantauan lanjutan sehingga kini," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, tindakan ini selaras dengan Seksyen 37 Akta

Penjara dan peruntukan di bawah akta itu serta Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Layanan Terhadap Banduan (Peraturan Mandela).

Sehubungan itu, Najib akan dihantar semula ke Penjara Kajang untuk menjalani hukuman penjara sebaik sahaja pihak pakar perubatan HRC atau HKL memberikan pelepasan perubatan ke atas beliau.

"Sebagai pihak berkuasa yang melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta Penjara, pihak Jabatan Penjara selain melaksanakan hukuman yang telah dijatuhkan juga bertanggungjawab memastikan tahap kesihatan seseorang banduan sentiasa dipantau.

"Ia termasuk penyediaan kemudahan rawatan dan ubat-ubatan sebagaimana yang disyorkan oleh pegawai perubatan kerajaan," ujarnya.

Pada 23 Ogos lalu, Najib dihantar ke Penjara Kajang selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta terhadapnya kerana menyalahgunakan dana SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM42 juta.

Bekas Perdana Menteri itu juga menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan rasuah berjumlah RM2.3 billion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL

Khairy nafi campur tangan, tiada layanan istimewa buat Najib

PUTRAJAYA - Khairy Jamaluddin Abu Bakar menafikan berlaku campur tangannya selaku Menteri Kesihatan dalam menempatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) untuk menjalani rawatan.

Tegasnya, Najib dirujuk ke hospital itu bagi menjalani fisioterapi dan pemantauan lanjut berdasarkan perkara yang diadukan.

"KKM mengambil langkah tersebut supaya tidak timbul sebarang isu atau pertikaian daripada mana-mana pihak keluarga ataupun Najib sendiri berhubung rawatan yang diberikan," ujarnya.

Beliau berkata, Najib akan dihantar pulang ke Penjara Kajang bagi menjalani hukuman penjara 12 tahun selepas mendapat pelepasan perubatan daripada perunding perubatan.

"Perunding perubatan kini sedang menyediakan laporan perubatan untuk dikemukakan semasa sidang keluarga," katanya.

Khairy berkata demikian mengulas mengenai dakwaan wujud campur tangannya dalam KKM memberi rawatan terhadap Najib.

PRU musim banjir tidak sesuai - KKM

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjelaskan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tidak sesuai diadakan pada musim banjir.

Tegas Menteri, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, ia mengambil kira faktor keselamatan, tenaga kerja dan kesihatan.

"Lazimnya kita elakkan (pilihan raya) pada waktu banjir kerana tenaga kerja yang diperlukan sewaktu pilihan raya dikerahkan untuk menjaga kawasan pusat pemindahan sementara (PPS), tindakan evakuasi dan menjaga keselamatan rakyat."

"Fasiliti yang dijadikan pusat pengundian seperti sekolah turut digunakan sebagai PPS apabila berlaku bencana itu."

"Malah penyakit berjangkit juga dijangka meningkat kerana risiko penyakit bawaan air," katanya ketika sidang akhbar di kementeriaannya pada Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai saranan KKM terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail

“

Lazimnya kita elakkan (pilihan raya) pada waktu banjir kerana tenaga kerja yang diperlukan sewaktu pilihan raya dikerahkan untuk menjaga kawasan pusat pemindahan sementara (PPS), tindakan evakuasi dan menjaga keselamatan rakyat."



- Khairy Jamaluddin

Sabri Yaakob dalam penentuan tarikh PRU15.

Pada Selasa, *Sinar Harian* melaporkan bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, pelaksanaan PRU semasa musim banjir dilihat bakal memberikan kesan terhadap aspek logistik, perbelanjaan dan kadar penyertaan pengundi.

Dalam pada itu, ditanya adakah cadangan dan input tersebut dikemukakan KKM semasa mesyuarat kabinet,

Khairy Jamaluddin berkata, ia merupakan suatu perbincangan umum.

"Soal tarikh, terpulung kepada Ismail Sabri untuk tentukan bilakah waktu sesuai," katanya.

Sebelum itu pada sesi sidang akhbar sama, Khairy Jamaluddin berkata, beliau mungkin tidak akan lagi berada di KKM pada November depan.

Ia seolah-olah memberi gambaran bahawa pembubaran Parlimen berlaku dalam tempoh tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Negara perlu banyak hospital

DR MALAR SANTHI

Doktor selebriti media sosial, Dr Malar Santhi Santherasagapan berpendapat negara perlu bersedia sedia dan mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang kuat. Beliau berharap negara mempunyai lebih banyak hospital berbanding stadium.

Selain itu, pemilik akaun Facebook 'Celoteh Dr Malar' yang mempunyai lebih 300,000 pengikut itu berkata, rakyat juga perlu berubah kerana ramai yang mengabaikan soal penjagaan kesihatan diri kerana kesibukan bekerja.

Ujarnya yang fasih berbahasa Melayu itu, situasi tersebut semakin teruk apabila ada individu yang sangat takut untuk memeriksa status kesihatan sehinggalah keadaan sudah menjadi parah.

Ikuti kupasan lanjut Dr Malar dalam program Bersama Johan Jaaffar di Kompleks Karangkraf.



JOHAN: Apa sebenarnya yang mendorong Dr untuk memulakan perkongsian di Facebook?

DR MALAR: Apa yang mendorong saya pada awal penglibatan dalam bidang media sosial ini adalah pandemik Covid-19. Ketika itu ramai rakyat Malaysia mahukan informasi tetapi informasi perubatan dalam bahasa Melayu sangat terhad. Ini disebabkan kita belajar bidang perubatan dalam bahasa Inggeris. Dalam komunikasi sesama doktor di seluruh dunia juga berbahasa Inggeris. Kebanyakan jurnal adalah dalam bahasa Inggeris.

Maka rakyat Malaysia yang paling mudah terjerjas dengan pandemik seperti warga emas, mereka mahukan informasi tersebut. Dari situlah saya memulakan perjalanan media sosial saya.

Bidang perubatan selalunya bersifat sehalu, di mana doktor merawat, mendiagnosis penyakit, berikan pilihan ubat dan sebagainya tetapi nampaknya doktor berinteraksi dengan penonton di media sosial. Apakah pengalaman dan pengajaran yang Dr dapat dari situ?

Apa yang saya dapat sekarang adalah macam yang Tan Sri cakap, perubatan sudah berubah dimensinya. Pada 1980-an atau 1990-an memang perubatan adalah sehalu, jumpa doktor dan dia bagi diagnosis. Doktor bagi rawatan itu biasanya tidak ada banyak pilihan. Tetapi sekarang pesakit sudah pandai membaca. Pesakit sudah tahu, mereka sudah cakna tentang kesihatan sendiri.

Mereka nak tahu apa lagi pilihan yang terbaik. Kenapa kena buat pembedahan, kenapa tidak boleh ambil ubat saja dan sebagainya. Maka perubatan sekarang bukan untuk merawat penyakit sahaja, pesakit sekarang nak fahami kesihatan mereka. Mereka nak dalam, lepas itu mereka nak pilih rawatan. Sebagai perawat kita nak tolong mereka buat pilihan terbaik.

Dr mempunyai akaun Facebook, Twitter dan juga Instagram. Di Facebook Dr sahaja ada lebih 300,000 pengikut. Apakah Dr terperanjat dengan sambutan sedemikian?

'Saya sangat terperanjat sebab saya budak kampung. Budak biasa daripada

kelas tengah dan akhirnya mencapai cita-cita sendiri iaitu menjadi doktor. Saya orang-orang biasa saja. Tan Sri tengok penampilan saya di media sosial, saya tidak guna mekap, hanya pakai baju tidur dalam rumah. Saya sangat santai. Sebab itu, saya tidak tahu dan tidak menjangka sambutan sebegini. Kalau tahu, saya dah pakai mekap tebal-tebal (ketawa).

Adakah sekarang berlaku perubahan dalam hidup Dr?

Saya tidak kata susah tetapi saya lebih berhati-hati. Kalau dahulu saya pergi pasar pakai baju yang paling selekeh. Tetapi sekarang biasanya kalau pergi kedai atau pasar ada jugalah seorang dua yang tegur saya. Kita jadi lebih berjaga-jaga bila bawa diri. Lebih ramai orang kenal, lebih ramai orang yang ada jangkaan terhadap kita.

Pada pandangan Dr, mengapa berlaku hal seperti itu? Adakah kerana informasi atau maklumat rasmi tidak sampai kepada masyarakat sewaktu pandemik Covid-19?

Saya kira kebanyakan agensi rasmi atau media rasmi menggunakan bahasa yang sangat teknikal atau bahasa baku. Bahasa yang kita tidak dekat, jadi orang biasa macam mak ayah saya, mereka tidak boleh faham sebab kita terlampaui mementingkan penggunaan bahasa tersebut.

Saya bercakap seperti saya cakap dengan mak ayah dan keluarga saya. Jadi saya rasa di situ pengikut (di media sosial) dan juga rakyat Malaysia rasa dekat, rasa macam bercakap dengan jiran.

Dr nampaknya memberikan penerangan mengenai perkara-perkara yang kompleks dalam perubatan dengan pendekatan yang sangat berkesan. Apakah Dr rasa saluran rasmi mungkin tidak dapat melakukan seperti apa yang Dr lakukan?

Saya rasa betul. Saluran rasmi terikat dengan prosedur operasi standard (SOP), bos dan penampilan korporat. Sebab itu saya bergerak sebagai individu, saya tidak wakil mana-mana organisasi. Bila saya sendirian, tidak ada yang boleh arahkan saya. Apabila kita bercakap secara santai di rumah, mana ada kita bercakap dalam

“

Kalau diwajibkan daripada penjawat awam sampai pekerja swasta setiap tiga tahun sekali mesti buat semakan perubatan. Setiap tahun kena periksa, baru boleh ada kenaikan pangkat dan kenaikan gaji. Saya rasa semua orang akan berebut untuk buat.

bahasa baku. Begitu juga bila kita bersembang dengan ahli keluarga, mana ada kita guna perkataan yang terlampaui formal seperti menjawab soalan peperiksaan. Kita tidak buat seperti itu.

Dr tentu tahu di Amerika Syarikat ada seorang personaliti televisyen terkenal iaitu Dr Sanjay Gupta. Apakah Dr rasa bukan Dr Sanjay sahaja seorang selebriti tetapi perbincangan atau apa yang dilakukan beliau adalah sama seperti yang Dr Malar lakukan? Jadi nampaknya seperti ada ruang untuk doktor selebriti dalam bidang media sosial ini. Apa komen Dr?

Memang ini adalah impian saya untuk ada program bual bicara saya sendiri, yang bukan sahaja panggil doktor untuk bincang tentang penyakit, tetapi lebih kepada memanggil pesakit. Kita faham dari segi persepsi pesakit dan sebagainya.

Itu impian saya satu hari nanti iaitu ada program bual bicara sendiri tetapi bukan sebagai doktor selebriti. Saya lebih selesa menjadi doktor aktivis yang memperjuangkan tentang kesihatan. Saya lebih gemar mencegah penyakit, saya lebih gemar memperjuangkan rakyat untuk faham tentang kesihatan supaya bila ada masalah, mereka tahu dan faham masalah mereka.

Dr rasa apakah rakyat sekarang mahu tahu lebih banyak maklumat mengenai sesuatu penyakit daripada Dr?

Sudah tentu. Saya rasa pandemik

Covid-19 menyedarkan ramai orang tentang penyakit berjangkit. Yang kedua, mereka juga faham apa itu komorbiditi. Bila ada penyakit lain, ia memberi risiko terhadap penyakit-penyakit lain yang kita dapat seperti denggi, Covid-19 dan sebagainya. Jadi saya rasa Covid-19 itu memang menyedarkan rakyat. Walau ada banyak harta macam mana pun, kesihatan adalah yang paling penting.

Pada pandangan Dr apakah pengajaran daripada pandemik Covid-19 yang kita hadapi selama dua tahun ini?

Saya rasa pengajaran yang paling besar adalah setiap negara perlu bina lebih banyak hospital daripada pusat-pusat konsert dan stadium. Kemudian sistem penjagaan kesihatan kena kuat, stabil dan bersedia sedia pada bila-bila masa.

Itu saya rasa pengajaran paling penting di seluruh dunia sebab pemain bola sepak dibayar gaji begitu tinggi tetapi jururawat dan pembantu perubatan susah nak dapatkan gaji sebegini. Dalam generasi sekarang makin ramai tidak mahu kerja dengan badan beruniform. Jadi pandemik itu perlu jadi iktibar.

Tentang pendidikan dan perubatan rakyat, apakah perlu ada satu strategi untuk mengingatkan rakyat tentang ancaman penyakit-penyakit seperti ini sebab kita selalu ambil ringan?

Saya kira terutamanya apabila sudah habis sekolah, remaja sampai warga kerja kita perlu ingatkan mereka untuk mementingkan kesihatan. Kalau kita tidak jaga kesihatan, kita tidak boleh bekerja dan ekonomi akan musnah. Saya rasa ia patut bermula dengan majikan itu sendiri.

Kalau diwajibkan daripada penjawat awam sampai pekerja swasta setiap tiga tahun sekali mesti buat pemeriksaan perubatan. Setiap tahun kena periksa baru boleh ada kenaikan pangkat dan kenaikan gaji. Saya rasa semua orang akan berebut untuk buat pemeriksaan tetapi sebab ia tidak ditekankan, maka penyakit darah tinggi sudah menjadi kronik, kencing manis sudah dialami selama lima tahun pun mereka masih tidak sedar. Jadi saya rasa perkara ini harus dititikberatkan dari akar umbi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : WAWANCARA

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai rekod penduduk tergemuk di Asia, maksudnya dari segi masalah obesiti. Ini semua merupakan masalah yang akan dihadapi oleh negara ini termasuk kos perubatan menjadi lebih tinggi. Tetapi dari segi masalah disiplin rakyat bagaimana?

Macam yang Tan Sri kata, negara kita adalah syurga makanan. Orang negara luar datang ke sini pun sebab nak cuba pelbagai makanan. Jadi nak suruh disiplin itu sedikit susah terutamanya pada musim cuti.

Memang rangkaian restoran makanan semuanya penuh. Jadi macam mana nak disiplin? Itu saya selalu sarankan supaya makan boleh tetapi cuba adaptasi puasa satu atau dua kali seminggu ataupun cuba pemakanan vegetarian untukimbang kembali.

Orang dahulu makan nasi lemak tetapi selepas itu mereka pergi ke sawah atau kebun. Tetapi sekarang orang makan nasi lemak juga tapi mereka masuk ke pejabat. Ertinya tabiat makan tidak berubah tetapi gaya hidup berubah. Apa komen Dr tentang hal ini?

Saya rasa kita kena kurangkan makan tetapi kalau dah 30 atau 40 tahun tidak kurangkan makan itu agak lambat sikit sebab selera mereka sudah besar seperti itu sejak kecil. Jadi kalau kita boleh kurangkan bahagian pemakanan, kawal kalori makanan, kurangkan minyak dan sebagainya ia boleh membantu. Tetapi sebab itu adalah budaya makan, jadi kena tukar budaya dahulu.

Dalam beberapa siaran media sosial, Dr nampaknya begitu tegas dalam sesuatu isu. Contohnya tentang ubat Ivermectin. Nampaknya Dr bertegas mengatakan tidak ada bukti berdasarkan kajian tuntas bahawa Ivermectin ini berkesan untuk Covid-19. Kenapa kerajaan tidak sepatutnya mencuba perkara ini?

Sebenarnya kerajaan sudah cuba. Ada beberapa kajian telah dibuat. Saya rasa ia dibuat di Hospital Sungai Buloh dan terbukti tidak ada manfaat tetapi ada banyak komplikasi. Kita kena faham Ivermectin ini bukan ubat untuk virus

tetapi sebenarnya adalah ubat untuk parasit.

Sekumpulan doktor dan juga pengkaji di Australia telah cuba Ivermectin ini ke atas tikus makmal dan mereka rasa mungkin ada manfaat untuk Covid-19. Tetapi dos diperlukan untuk mencapai manfaat itu adalah 20 kali ganda berbanding dos biasa yang diperlukan oleh manusia.

Jadi sebelum ia memberi manfaat, ia telah merosakkan hati, buah pinggang, sistem darah dan sebagainya. Kita tidak boleh ambil kerana ia dah rosakkan semua.

Sebab itu saya kata tidak ada bukti. Kenapa kerajaan tidak cuba juga, kerana kita tidak boleh bagi satu rawatan dengan risiko yang begitu tinggi. Contohnya kepada 100 orang, satu orang saja yang dapat manfaat, 99 orang lagi semua rosak buah pinggang.

Apa pendapat Dr tentang pengalaman dan kualiti pengamal perubatan kita?

Di Malaysia kualiti pengamal perubatan sebenarnya sangat tinggi berbanding di mana-mana negara terutama disebabkan latihan di negara ini. Kita dengar dalam berita doktor sangat stres, waktu bekerja yang panjang dan sebagainya.

Saya rasa pandemik Covid-19 ini telah membawa ramai doktor dan pesakit ke media sosial sekali gus memantapkan kedua-dua pihak. Saya sendiri bila berada dalam media sosial, saya baca komen-komen orang awam, saya baca luahan mereka, saya jadi lebih matang.

Pengamal perubatan di Malaysia ini makin bertambah baik, makin ramai yang muncul di media sosial, berbincang dengan pesakit, fahami pesakit secara menyeluruh, bukan sebagai satu penyakit.

Apa komen Dr mengenai sistem penjagaan kesihatan pada hari ini?

Sistem penjagaan kesihatan antara kerajaan dan swasta (ada perbezaan) terlampau jauh. Perbezaan itu dari segi kesinambungan. Contohnya, bila pesakit pergi klinik kesihatan kerajaan, selepas itu dia dirujuk di hospital kerajaan.

Kemudian dia nak pergi ke hospital swasta. Dia tak ada kesinambungan da-

lam hal itu, dia kena buat sendiri. Daripada hospital swasta pergi ke kerajaan pun susah. Kerjasama antara hospital kerajaan dan swasta masih belum matang lagi. Itu agak menyusahkan pesakit.

Mereka kena bawa sendiri rekod-rekod perubatan itu. Saya rasa kalau ada lebih rangkaian dan sistem rujukan, ia akan memudahkan pesakit dan menguntungkan pentadbiran.

Kita tidak dapat menolak hakikat bahawa ada dua kelas pesakit iaitu satu yang mampu ke hospital kerajaan dan satu lagi mampu ke hospital swasta. Dan ini dengan sendirinya menambahkan jurang antara rakyat. Macam mana nak cari satu titik tengah antara kedua-dua pihak itu?

Ada golongan yang mampu pergi ke swasta dan ada golongan yang lebih selesa ke hospital kerajaan tetapi ada satu lagi golongan yang mampu tampung separuh di swasta, tetapi pembedahan mereka tidak mampu untuk bayar.

Contohnya dia boleh melakukan pemeriksaan imbasan atau X-ray di swasta tetapi pembedahan dia tidak mampu bayar. Maka kena cari titik tengah di situ.

Sekarang sudah ada banyak hospital kerajaan di Lembah Klang yang ada sayap swasta. Kalau ia berkembang kepada penjagaan kesihatan utama, saya rasa ia akan lebih menguntungkan rakyat Malaysia.

Salah satu pengajaran daripada Covid-19 adalah ia mendedahkan kita kepada sistem kesihatan kita yang sebenar sama ada kekurangan atau kelebihan kita. Pada pandangan Dr, apa lagi yang patut kita pelajari daripada Covid-19?

Saya rasa apa yang kita patut pelajari adalah setiap individu perlu kawal kesihatan mereka sendiri. Tidak perlu tunggu orang lain atau dapat Covid-19 baru nak buat ujian darah, baru nak beli mesin pemeriksaan kesihatan, termometer di rumah dan sebagainya.

Setiap rumah kena ada. Kena tahu macam mana nak periksa tekanan darah? Apakah paras biasa gula untuk darah ayah? Apa ubat-ubatan yang ibu makan. Semua itu kena ada setiap masa,

kena faham tentang kesihatan diri sendiri. Supaya ia mudah apabila apa-apa berlaku kita tahu ini adalah tahap kesihatan kita yang biasa maka, bila tak sihat kita tahu kita pada tahap mana.

Tetapi kita sekarang apabila terkena Covid-19 atau menjalani kuarantin, baru tahu keadaan dirinya. Selepas itu baru dia terkejut kenapa tekanan darahnya tinggi. Rupa-rupanya itu tidak ada kaitan dengan Covid-19 pun.

Memang mereka sudah ada penyakit itu. Jadi amat penting untuk kita cakra tentang kesihatan diri dan pemantauan berterusan oleh individu itu sendiri, tidak kisah sama ada pandemik Covid-19 ataupun tidak.

Apa matlamatnya akhirnya?

Matlamatnya adalah setiap rakyat Malaysia faham apa itu kesihatan dan faham bahawa pencegahan lebih baik daripada merawat.

Ramai rakyat Malaysia yang mengambil mudah aspek kesihatan. Ada orang tidak mahu tahu atau memeriksa status kesihatan diri sebab mereka takut. Jadi perkara ini berterusan sampai pada saat akhir apabila penyakit yang dihidapnya berada di tahap kritikal. Jadi apakah nasihat Dr?

Macam yang Tan Sri kata mereka ini takut. Jadi mereka tidak mahu buat pemeriksaan kesihatan. Maka pesanan saya, janganlah takut untuk tahu tahap kesihatan anda sebaliknya anda ambil serius dan jadi pemantau untuk kesihatan anda sendiri.

Bila anda tahu tekanan darah tinggi tidak bermaksud anda dah kena ambil ubat. Panduan kesihatan di seluruh dunia pun beritahu bahawa tiga bulan yang pertama adalah perubahan gaya hidup dahulu. Mungkin kita boleh bincang macam mana nak mulakan tanpa menggunakan ubat dahulu, seperti kurangkan berat badan dan sebagainya.

Sekurang-kurangnya kita dah tahu cara untuk hilangkan ketakutan. Penyakit itu memang dah ada dalam tubuh kita setiap saat. Kalau bukan kita yang kenal tubuh kita, kalau bukan kita yang tahu tentang kesihatan kita, siapa lagi?

Apakah rakyat Malaysia bukan sahaja perlu memahami soal-soal perubatan dan kesihatan tetapi mereka juga harus sedar bahawa disiplin diri itu penting. Apa komen Dr?

Saya rasa ia berkait rapat dengan kehidupan kita. Kehidupan bandar, kita keluar pergi kerja jam 6 pagi balik jam 7 malam. Jadi bila kita kata ada rakyat tidak bersenam sebenarnya mereka pun tiada masa untuk berbuat demikian sebab waktu bekerja yang terlampau panjang, stres dan sebagainya. Ia berkait dengan budaya secara keseluruhannya.

Saya pernah membuat siaran di media sosial mencadangkan pengurangan jam bekerja supaya pekerja dapat balik sebelum Maghrib, balik sebelum gelap, jadi sempat untuk bersenam.

Saya kira ibu bapa, cikgu-cikgu di sekolah dan anak dari kecil lagi perlu ditanam perkara ini supaya ia menjadi satu budaya. Kalau dah umur 40 tahun, bila penyakit dah mula mengintip baru nak ubah gaya hidup kita, itu sudah terlambat.



Dr Malar ketika dalam program Bersama Johan Jaaffar yang berlangsung di Kompleks Karangkraf pada Rabu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiada rawatan istimewa kepada Najib

PUTRAJAYA: Tiada rawatan istimewa diberikan kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Itu jelas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berhubung perkembangan terkini rawatan kesihatan Najib selepas dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) baru-baru ini.

Khairy juga menegaskan beliau tidak campur tangan dan menggunakan kuasanya sebagai Menteri Kesihatan dalam menentukan rawatan kepada bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, akses Najib kepada kemudahan perubatan adalah selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) kementerian, di mana layanan sama turut diberikan kepada banduan lain yang memerlukannya.

Menurutnya, Najib sudah dirujuk kepada HKL sebelum ini dan kini dirujuk ke Hospital Rehabilitasi Cheras untuk rawatan

rehabilitasi dan pemantauan lanjut serta fisioterapi.

"Tidak ada campur tangan sebalikinya Najib akan dihantar semula ke Penjara Kajang sebaik sahaja pelepasan perubatan dikeluarkan oleh perunding perubatan.

"Kita telah fikirkan semua rawatan yang diperlukan dan rawatan yang diminta oleh Najib sendiri dan ia telah dilaksanakan.

"Saya difahamkan pakar perunding akan mengadakan sidang keluarga bersama Najib dan keluarga terdekat bagi memaklumkan situasi terkini kesihatan dan pelan rawatan," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Katanya, Najib juga diberi latihan untuk melakukan sendiri rawatan rehabilitasi.

Berhubung isu



pegawai perubatan yang mendedahkan rekod perubatan Najib baru-baru ini, Khairy berkata, beliau sudah mengarahkan Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL) melakukan siasatan mengenainya.

"Jika ada pelanggaran dari segi tataetika maka tindakan disiplin boleh diambil terhadap pegawai perubatan berkenaan.

"Bagaimanapun, siasatan mestilah dibuat supaya dapat mengesahkan akaun media sosial itu sah milik pegawai perubatan berkenaan dan dia yang menulis posting berkenaan," katanya.

Menurut Khairy, sebarang maklumat kesihatan mana-mana penyakit dan pesakit termasuklah banduan di bawah rawatan KKM harus disimpan kerahsiaannya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

CABINET MEETING

'NOT SAFE TO HOLD MONSOON ELECTION'

Health minister says floods may result in rise in infectious, water-borne diseases

TEOH PEI YING
AND ARFA YUNUS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

IF last year's monsoon trend is any indicator, holding the 15th General Election (GE15) before Nov 21 could be the best bet — if the plan is indeed to dissolve Parliament this year.

The Malaysian Meteorological Department said the first monsoon surge last year picked up strength from that date, and continued to worsen

right up till March.

The department told the *New Straits Times* that there would be a total of six surges of the north-west monsoon, some lasting more than 10 days.

The erratic weather condition is only expected to subside between the end of February and early March.

Monsoon surges occur when a sudden increase in wind speed causes the cold air to surge southwards into the South China Sea.

As the cold air moves south, it warms and gathers moisture, resulting in dense rain clouds over the equatorial region, including Malaysia.

The same wet weather condition for this year is expected to happen during the same period, with Kelantan, Terengganu and Pahang experiencing heavy rainfall from between late November and December.



Khairy Jamaluddin

Johor, Sabah and Sarawak will see similar unfavourable weather from December to January.

Fears of floods were top of the agenda at yesterday's cabinet meeting.

"Matters regarding the dissolution of Parliament and the general election are in the prime minister's hands, so it is better to wait for him.

"There was a discussion (about the date of GE15) but there were also other issues discussed. We talked at length about the preparations for the floods in October, November and December," said Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim.

Meanwhile, Health Minister Khairy Jamaluddin cautioned that holding the polls during the monsoon season might give rise to infectious and water-borne diseases.

He said several factors would determine the suitability of holding elections, including labour, safety, facilities and health.

"Usually, we would avoid holding an election during the flooding season because when it floods, there will be a rise in infectious diseases, and water-borne diseases, too, will increase.

"These infectious diseases would need treatment. So from the Health Ministry's point of view, it is not suitable to hold an election during the flood season," he said at a press conference yesterday.

He also said a large number of people would be required to be on duty if an election were to be held during the monsoon season, where they would also need to take care of temporary evacuation centres.

Facilities such as schools, normally used as polling centres,

>> Continued next page



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS/COURT&CRIME

'NO INTERFERENCE'

'NO SPECIAL TREATMENT FOR NAJIB'

He will be sent back to Kajang Prison after getting medical clearance, says Khairy

HANA NAZ HARUN AND
 NOR AIN MOHAMMED RADHI
PUTRAJAYA
 news@nst.com.my

NO special treatment is being given to former prime minister Datuk Seri Najib Razak, who is being treated at the Cheras Rehabilitation Hospital (CRH), said Health Minister Khairy Jamaludin.

Without disclosing Najib's medical condition, Khairy said there was a request by the prosecutor for his legal proceedings to be adjourned so that Najib could receive medical attention.

"He was referred to Kuala Lumpur Hospital, then treated for his medical condition. He went through a battery of tests."

"After that, he was referred to CRH for follow-up treatments that require physiotherapy, and part of it is to teach him how he can do these physiotherapy (exercises) himself."

"He will be discharged once the specialist is satisfied, and he will be sent back to Kajang Prison."

He said he did not interfere with the arrangements granted to the Pekan member of parliament, who was sent to jail on Aug 23 for corruption charges.

Khairy added that the Health

Ministry continued to conduct its duties professionally according to procedures and guidelines.

"We do this so there are no disputes from Najib's family or Najib himself that no (medical) treatment was given. So we have completed all examinations requested."

"As soon as the doctors, based on their professional judgment, say he can be discharged, he will be sent back to Kajang."

"I can't answer when, because that's me interfering. I didn't even ask the (Health) D-G (director-general)."

He said Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had said the specialists were preparing medical records to brief the former prime minister's family.

"The doctors will have a con-

ference with him and his family to inform about his situation and his treatment plan, and of his physiotherapy exercises. Then he will be sent back."

"It should not be long (before he goes back to prison)."

Earlier, PKR deputy president Rafizi Ramli brought up an anonymous message circulating on social media.

It claimed that the Kajang prison cell of Najib, who has been given the codename *merpati* (pigeon), had been renovated and there were plans to move him to the CRH to allow more access to visitors and VVIP facilities.

Rafizi said he had refrained from commenting at first because it came from an anonymous source.

He, however, said that a posting

on the former Umno president's response to PKR's plans left him puzzled.

Rafizi said that while the public was told that Najib was in poor health, he seemed to be well enough to post messages on Facebook.

He said even if the posting was done by his account's administrator, the understanding was that Najib should not be interacting with the outside world.

The Prisons Department has issued two denials that Najib received special treatment in prison.

Najib was sentenced to 12 years' imprisonment and RM210 million fine for misappropriating RM42 million SRC International funds, a former subsidiary of 1Malaysia Development Bhd.



The Cheras Rehabilitation Hospital in Kuala Lumpur. PIC TAKEN FROM CHERAS REHABILITATION HOSPITAL FACEBOOK

PAGE

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

'No special treatment'

Najib treated as per standard procedure, says Khairy

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: There is no special treatment accorded to Datuk Seri Najib Razak during his medical treatment, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said the treatment given to the convicted former prime minister was based on the ministry's standard procedures for prisoners requiring medical attention.

"There is no special treatment. There was a request by the deputy public prosecutor for his (Najib's) trial proceedings to be adjourned so that he could receive the required medical attention.

"He was referred to Hospital Kuala Lumpur where he was treated for his medical condition and he went through a battery of tests.

"Now, he is undergoing a follow-up at the Cheras Rehabilitation

Hospital (CRH). A part of the procedure is that he will be trained on how to conduct physiotherapy himself.

"He will be discharged once the specialists are satisfied that he no longer needs to be admitted.

"This is a standard procedure. In the past, we have treated prisoners at government hospitals and they are sent back to prison once doctors are satisfied that they can be discharged," said Khairy at a media interview here yesterday.

The specialists, he said, would be conducting a conference with Najib's family members to brief them on his treatment's progress.

Asked when Najib would be discharged, Khairy said the decision was for the specialists to make but expected it to be "soon".

"I cannot answer when because that will be me interfering with the process. It will be up to the special-

ists," he stressed.

An anonymous message on social media referring to Najib by the codename "Merpati" (pigeon) had made several claims, including that his cell in the Kajang Prison complex had been renovated and that there were plans to move him to CRH to allow more access to visitors and VVIP facilities.

In a statement, the Prisons Department said Najib had been referred to CRH for further treatment and monitoring by Hospital Kuala Lumpur on Monday.

It also said that it had acted on a Sept 12 order by the Kuala Lumpur High Court that the former premier needed a medical examination after it was informed that he was ill.

"In accordance with Section 37 of the Prisons Act and its provisions as well as the United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners (Mandela Rules), the

Prisons Department sent Najib to HKL for treatment by specialists there," it said.

Najib is serving a 12-year sentence following the Federal Court's decision on Aug 23 to uphold his corruption conviction involving RM42mil of SRC International funds.

Also upheld was a RM210mil fine against him.

He is facing four other criminal trials related to the 1Malaysia Development Bhd scandal.

However, his ongoing trial has been vacated for a week due to his medical condition.

His lawyer, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, told Justice Collin Lawrence Sequerah at KL High Court on Sept 14 that Najib had gone through various medical tests on a daily basis due to blood pressure and stomach ulcers.

The trial will resume on Monday.

KJ: Holding GE during monsoon not suitable

PUTRAJAYA: Holding the general election amid a monsoon will not be suitable due to logistical as well as health concerns, says the Health Minister.


Khairy Jamaluddin said governments, by convention, would usually avoid calling for polls at a time when a flood contingency was expected.

"During the monsoon, a great deal of human resources is required. Personnel need to be mobilised to evacuate flood victims as well as manage the evacuation centres.

"Also, many schools will be used as evacuation centres, so it will be difficult if an election is held during the flood season as schools are also used as polling centres," he added.

On the health front, he said the floods would lead to higher transmission of waterborne diseases.

"So of course as the Health Ministry, we feel that it is not suitable if the general election is held during the monsoon season," Khairy told a special media briefing



Keeping a close eye: Malaysian Meteorological Department officer Norain Farah Aida Ismail monitoring the weather pattern from the operations centre in Petaling Jaya. — AZHAR MAHFUF/The Star

at his ministry yesterday.

Asked if the ministry had conveyed its reservations to Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Khairy said "this is something that should be well understood".

"The PM is aware and understands ... even if we don't voice it out to him," he pointed out.

To a question on whether the Cabinet meeting yesterday had decided on when Parliament would

be dissolved to pave the way for GE15, Khairy said: "Just by making normal calculations you will probably be able to figure out when."

"Parliament has to be dissolved by mid-next year, at the latest. And there are certain months that the election is less likely to be held."

He said regardless of when the general election was called, the ministry would be ready to swing into action.

"I want my officers and staff members to be prepared. Once Parliament is dissolved, the ministry has to operate on autopilot.

"We must ensure there is continuity so that all plans can be executed even when I am no longer the minister," he said.

Barisan Nasional chairman and Umno president Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi was reported to have said recently that GE15 could be held even during the monsoon period.

The monsoon is expected to last between November and February.